

03/05/2003

Tidak rugi kerajaan labur program MLVK

MZ Mohd

PENDEDAHAN nasib program Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK) dan institut yang mengendalikan program itu yang dibuat oleh Unit Pengaduan Awam Pemuda Umno dalam ruangan ini 30 April lalu, mengecewakan ramai belia.

Syabas diucapkan kepada Ketua Unit Pengaduan Awam, Datuk Subahan Kamal kerana berani dan lantang memperkatakan isu itu.

Sebagai pelajar dalam program MLVK, saya juga terkejut mendapat tahu bahawa memorandum yang dikemukakan Subahan kepada Kementerian Sumber Manusia pada 12 Mac lalu, tidak mendapat layanan sewajarnya.

Memorandum itu, antara lain, mengandungi permohonan dana tambahan daripada Kementerian Kewangan bagi pembiayaan program pengajian lepasan Sijil Pelajaran Malaysia dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia ke MLVK.

Untuk pengetahuan, saya mengikuti program MLVK di satu daripada institut

kemahiran di Seremban, Negeri Sembilan.

Saya menyokong saranan Subahan supaya kerajaan, khususnya Kementerian Sumber Manusia, mengambil perhatian serius terhadap kemelut kewangan yang

melanda Tabung Pembangunan Kemahiran Manusia (TPKM) akibat kekurangan peruntukan kerajaan.

Ini berikutan permohonan untuk belajar di bawah program MLVK terlalu tinggi, sehingga menyebabkan Kementerian Sumber Manusia membayangkan kemungkinan program MLVK akan dihentikan.

Jadi, saya ingin bertanya kepada kementerian, khususnya Menterinya, Datuk Dr Fong Chan Onn, adakah menghentikan program MLVK, jalan terakhir untuk menyelesaikan masalah ini?

Jika jawapannya ya, memang benarlah apa yang diperkatakan oleh Subahan bahawa Kementerian Sumber Manusia sekadar 'melepaskan batuk di tangga' dalam menyelesaikan masalah ini. Tidakkah ini mencerminkan kerajaan tidak

bersungguh-sungguh membela nasib belia yang kurang dari segi akademik untuk meningkatkan taraf kehidupan mereka sendiri?

Lagipun, tidak rugi kerajaan melabur dalam program MLVK jika akhirnya akan membantu Malaysia memiliki lebih ramai tenaga kerja mahir.

Bagi saya, program MLVK wajar diteruskan kerana ia seiring saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya orang Melayu tidak

bergantung kepada 'tongkat sakti'. Siapa tahu mungkin melalui program ini,

masyarakat Melayu tidak perlu mengharap 'tongkat sakti' lagi kerana taraf kehidupan mereka meningkat, berikutan latihan kemahiran yang diterima.

Bagaimana pula dengan masalah pengusaha pusat latihan yang ada sekarang.

Apakah nasib mereka jika program MLVK dihentikan? Sedangkan sebelum ini, pernah disiarkan di ruangan ini bahawa ada pengusaha pusat latihan terpaksa meminjam wang daripada ceti haram atau Along untuk meneruskan perniagaan mereka. Ini kerana TPKM belum melunaskan pembayaran mereka.

Tidakkah perkara ini amat serius bagi kerajaan? Ini kerana mereka menceburi bidang perniagaan disebabkan keyakinan yang diwujudkan oleh kerajaan sendiri. Masakan, mereka wujud bagaikan cendawan tumbuh kalau TPKM tidak ditubuhkan.

Justeru, saya amat berharap kerajaan dapat menyelesaikan masalah MLVK ini dengan sebaik-baiknya demi meningkatkan tahap tenaga kerja di Malaysia dan taraf hidup rakyat.
MZ MOHD,
Batu Kikir, Negeri Sembilan.